

aab

Mahathir - Intip

TINDAKAN TERHADAP MEREKA YANG TERLIBAT DALAM KEGIATAN MENGINTIP

I

KUALA LUMPUR, 27 Jan (Bernama) -- Kerajaan akan mengambil tindakan terhadap ahli-ahli politik pembangkang jika mereka didapati melakukan sesuatu yang bercanggah dengan kepentingan negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Bagaimanapun kerajaan akan lebih berhati-hati sebelum mengambil tindakan berkenaan.

"Jika mereka (ahli politik pembangkang) didapati melakukan sesuatu yang bertentangan dengan kepentingan negara, saya pasti kita perlu melakukan sesuatu...tetapi kita harus berhati-hati mengenainya kerana kita tidak mahu dilihat sebagai menganiaya ahli-ahli politik pembangkang...sebagaimana yang anda tahu, ia bukan sesuatu yang begitu disukai ramai," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat Saintifik Asia Pasifik di sini.

Dr Mahathir telah diminta mengulas laporan akhbar Australia bahawa Australian Secret Intelligence Service (ASIS) memberi sogokan kepada ahli-ahli politik pembangkang Malaysia dalam apa yang didakwa kegiatan campur tangan secara rahsia tanpa kebenaran, dalam hal ehwal politik dalaman sebuah negara asing.

Laporan itu, yang memetik seorang bekas ejen luar Australia, berkata ahli-ahli politik pembangkang sejak beberapa tahun lepas menerima berpuluh ribu dolar sogokan daripada agensi pengintipan utama Australia itu. -- Lagi,

▼27/01/12-07MST

R GB 27-01 00176 BA924

bah

Mahathir - Intip 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Perdana Menteri menyifatkan apa yang dilaporkan itu sebagai satu perkara baru dan kerajaan akan menjalankan siasatan sendiri terhadapnya serta mengikuti dengan teliti perkembangan di Australia.

"Ini sesuatu yang baru...jika ia tidak dilaporkan dalam akhbar Australia dan sekiranya perkara itu tidak dibangkitkan oleh bekas pegawai perisik di Australia, pastinya kita tidak tahu," katanya.

Kerajaan perlu menyasat untuk memastikan sama ada laporan itu benar dan memastikan mereka yang terlibat walaupun kerajaan sedar ia bukan satu tugas yang mudah kerana ia memerlukan kerjasama daripada pegawai-pegawai perisik Australia.

Dr Mahathir percaya kerajaan Australia akan menyasat perkara itu kerana mereka yang membangkitkannya.

"Saya kira jika mereka membangkitkannya, tentunya mereka ingin tahu kerana merekalah yang terlibat...memanglah kita dukacita jika pihak Australia cuba mempengaruhi politik negara dengan memberi bantuan kewangan kepada pembangkang."

"Kita akan teliti perkembangan di Australia...saya tidak fikir jika kita pergi tanya mereka, mereka akan kata 'ya kami telah lakukan jenayah ini'...sangat sukar," katanya. -- Bernama

AFY RON NHO

▼27/01/12-45MST